

Sumbangan Perwanit banteras dadah

- 7 NOV 1989

12

PERSATUAN Wanita dan Teruna (Perwanit) telah membuat keputusan untuk menganjurkan konser rok sebagai sumbangannya bagi menyebarkan mesej antidadah kepada golongan belia yang lebih terdedah kepada pengaruh itu.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat jawatankuasa tertinggi persatuan itu minggu lalu.

Mengesahkan rancangan itu, Setiausaha Perwanit, Encik Johari H.M. Uriff, memberitahu bahawa konser yang dijangka diadakan selepas Hari Raya akan datang ini adalah di antara tiga projek besar yang akan dijalankan oleh persatuan itu

sempena perayaan menyambut ulang tahun ke-25 Singapura tahun depan.

Dua projek lain ialah menganjurkan pertandingan silat kesenian antara perguruan silat dan seminar silat pada pertengahan tahun depan.

Mengenai konser itu, Encik Johari berkata: "Jawatankuasa tertinggi kami bersetuju untuk menganjurkan konser itu sebagai sumbangan positif yang mahu kami buat dalam sama-sama membanteras penyalahgunaan dadah yang serius di kalangan belia Melayu." *PERKATA*

"Menerusinya, perutusan antidadah dapat kami sebarkan kepada golongan tersebut yang

lebih terdedah kepada pengaruh dadah." *PERKATA*

Menurut beliau, pertemuan dengan pihak penganjur konser yang dijangka menelan belanja \$100,000 itu akan diadakan dalam minggu dua ini.

Sebahagian daripada keuntungannya akan disalurkan kepada Pasukan Bertindak Anti-Penyalahgunaan Dadah bagi menampung kegiatannya.

Rancangan menganjurkan konser rok itu asalnya dibuat oleh Persatuan Guru-Guru Agama Dewasa Singapura (Perdaus) tetapi dibatalkan kemudian kerana tidak mendapat restu daripada Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Silat peringkat negeri Kedah diadualkan akhir bulan ini

26 JAN 1989

B. Harian (M)

PERSATUAN Seni Silat Garuda Kedah akan menganjurkan pertandingan peringkat negeri hujung bulan ini.

Yang di-pertua persatuan, Abdul Raof Hussein, berkata pertandingan itu adalah di bawah naungan Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Aroff.

"Pertandingan ini terbuka kepada semua jenis silat di negeri ini. Setakat ini, 16 jenis silat sudah mengesahkan penyertaan," katanya.

Katanya, peringkat awal akan berlangsung 28 November ini, jam 2 petang di Gelanggang Seni berhampiran gelanggang kasut beroda, manakala pertandingan akhir pula pada 30 November, jam 2.30 petang, di Stadium Datuk Syed Omar.

Kata Abdul Raof, pertunjukan silat jemputan turut dipersembahkan oleh Silat Gayong Pesaka, Silat Bunga, Silat Melayu Negeri Kedah, Silat Olahraga, Silat Garuda dan Tomoi dari Thailand.

Persatuan silat yang ingin turut serta boleh menghubungi Abdi Raof dengan menelefon 725819.

Mesyuarat

15 NOV 1989

PERKATA

■ PERSATUAN (Seni Silat) Harimau yang telah diluluskan pendaftarannya pada 22 September lalu akan mengadakan mesyuarat perasmian persatuan itu dan melantik 15 anggota jawatankuasa pentadbirnya di Balai Rakyat Kampong Ubi pada Ahad ini mulai 10.30 pagi.